

**HUBUNGAN GAYA PEMBELAJARAN, KEMAHIRAN BELAJAR DAN  
PENCAPAIAN BAHASA MALAYSIA DALAM KALANGAN PELAJAR  
TINGKATAN EMPAT**

**ABD. RAHMAN BIN HJ. ISMAIL**

**LAPORAN PROJEKINI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI  
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI  
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (BAHASA MELAYU)**

**FAKULTI BAHASA  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS TANJONG MALIM**

**2009**

## PENGAKUAN

Saya mengaku laporan projek ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

16. 3.2009

ABD RAHMAN BIN HJ ISMAIL  
M20071000111

## PENGHARGAAN

**BISMILLAHIRAHMANIRAHIM.**Saya bersyukur ke hadrat ilahi dengan limpah kurnianya kertas laporan projek penyelidikan ini telah dapat disempumakan dengan jayanya.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ueapan terima kasih kepada tuan penyelia projek Dr. Seri Lanang Jaya bin Hj. Rohani kerana sudi menerima pelawaan saya untuk menjadi penyelia. Banyak teguran, nasihat dan tunjuk ajar yang telah beliau berikan sepanjang tempoh saya menjayakan laporan penyelidikan projek ini. Ucapan terima kasih juga kepada Profesor Emeritus Abdullah Hassan, Profesor Abdul Hamid Mahmood, Tn. Hj. Idris bin Radzi (Fakulti Bahasa) kerana sudi mencurahkan ilmu berkaitan bahasa Melayu. Terima kasih juga saya rakamkan buat Profesor Emeritus Dato' Dr. Isahak Haron dan PM Dr. Latiff bin Abdul Ghafir kerana mengajarkan saya mengenai SPSS. Tidak dilupakan semua pihak di Bangunan Pasca Siswazah, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim yang telah memberikan saya peluang untuk belajar selama tempoh pengajian(2007-2009).

Penghargaan teristimewa buat isteri, Latipah bt Meor Nek dan anak-anak tersayang, Muhammad Fatihah Syafiq, Muhammad Umar Hakim, Amirah Hasannah dan Muhammad Irfan Danish. Dorongan, sokongan dan kesabaran mereka menambahkan keyakinan saya untuk terus belajar. Selain itu, saya berharap usaha ini akan mendorong mereka untuk terus belajar dan memperolehi keputusan yang cemerlang dalam pelajaran mereka.

Penghargaan ini juga ditujukan kepada rakan-rakan kuliah dan rakan-rakan guru yang membantu saya menjalankan kajian ini di sekolah mereka. Dengan bantuan mereka, tuan pengetua dan barisan pengurus sekolah telah memberi saya peluang untuk mentadbir soal selidik untuk para pelajar Tingkatan Empat di sebelas buah sekolah yang berkenaan.

Akhirulkalam, saya mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam kajian ini khususnya para responden kajian seramai 330 orang. Kerjasama dan kesabaran mereka menjawab soal selidik amat dipuji dan saya kagumi.

Sebagai tanda terima kasih dan mengenang jasa mereka semua, saya ungkapkannya dalam serangkap pantun.

Tukang besi orang Andalas,  
Tukang jamu orang bupati,  
Terhutang budi berat digalas,  
Terhutang ilmu dibawa ke mati.

Wassalamulaikum

**HUBUNGAN GAYA PEMBELAJARAN, KEMAHIRAN BELAJAR DAN  
PENCAPAIAN BAHASA MALAYSIA DALAM KALANGAN PELAJAR  
TINGKATAN EMPAT**

**ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji hubungan gaya pembelajaran dan kemahiran belajar dengan pencapaian Bahasa Malaysia dalam kalangan pelajar Tingkatan Empat di sebelas buah sekolah menengah di Perak Selangor dan Wilayah Persekutuan iaitu SMK Dato'Abdul Rahman Yaakub, Bota, Perak, Sekolah Sains Sukan Bukit Jalil, Kuala Lumpur, SMK Layang-layang Kiri, Park, Perak, SMK Raja Perempuan Kelsom, Kuala Kangsar, Perak, Kolej Melayu Kuala Kangsar, Perak, SM Teknik Ipoh, Perak, SM Sains Kuala Selangor, Selangor, SMK Ambrose, Ayer Tawar, Perak, SMKA Sultan Azlan Shah, Bota, Perak, SMKA Raja Nazrin Shah, Kg Gajah, Perak dan MRSM Pasir Salak, Perak; yang kemudiannya dikategorikan kepada tujuh jenis buah sekolah menengah iaitu Sekolah Menengah Harian, Sekolah Rancangan Khas, Sekolah Berasrama Penuh, Sekolah Menengah Teknik, Sekolah Menengah Agama, Sekolah Sains Sukan dan MRSM. Seramai 164 orang pelajar lelaki dan 166 orang pelajar perempuan telah dijadikan responden kajian ini. Kajian dijalankan dengan menggunakan kaedah tinjauan dengan menggunakan soal selidik skala empat mata. Data diproses dengan menggunakan SPSS Windows Versi 11.0. Data dianalisis dengan pendekatan statistik deskriptif dan inferensi kolerasi Pearson Chi Square dan korelasi Pearson. Kebolehpercayaan soal selidik ialah 0.8511 Alpha Cronbach. Kajian ini mendapati stimulus fizikal merupakan stimulus gaya pembelajaran Dunn dan Dunn yang paling dominan. Kemahiran belajar didapati diamalkan oleh para pelajar. Hubungan gaya pembelajaran dan kemahiran belajar dengan pencapaian Bahasa Malaysia didapati signifikan dan berdasarkan kekuatan hubungan yang lemah ( $r = -0.150$ ,  $p < 0.006$ ). Hubungan yang dikaji mengikut faktor berlainan jantina, didapati pelajar lelaki lebih signifikan ( $p < 0.0010$ ) berbanding pelajar perempuan, mengikut faktor ras didapati kaum Melayu lebih signifikan ( $p < 0.003$ ) berbanding kaum India dan Cina, mengikut rakan sebaya didapati cara berkumpulan lebih signifikan ( $p < 0.042$ ) berbanding cara sendirian dan mengikut jenis sekolah pula sekolah menengah agama ( $p < 0.000$ ) dan sekolah berasrama penuh ( $p < 0.025$ ) didapati signifikan berbanding jenis sekolah yang lain. Hubungan gaya pembelajaran mengikut tempat tinggal luar bandar sahaja yang signifikan, tidak di bandar, berbeza dengan hubungan antara kemahiran belajar dengan pencapaian Bahasa Malaysia mengikut faktor sosio ekonomi dan tempat tinggal didapati tidak signifikan. Beberapa cadangan juga diutarakan kepada pihak pelajar, ibu bapa, guru dan pentadbiran sekolah, serta pihak Kementerian Pelajaran Malaysia. Cadangan kajian lanjutan juga disediakan dalam kajian ini.

## THE RELATIONSHIP OF LEARNING STYLES, STUDY SKILLS AND BAHASA MALAYSIA ACHIEVEMENT AMONG FORM FOUR STUDENTS.

### ABSTRACT

The purpose of this research is to study about the relationship of learning styles, study skills and Bahasa Malaysia achievement among form four students in eleven secondary schools in Perak, Selangor and Federal Territory .The schools are SMK Dato'Abdul Rahman Yaakub, Bota, Perak, Sekolah Sains Sukan Bukit Jalil, Kuala Lumpur, SMK Layang-layang Kiri, Parit, Perak, SMK Raja Perempuan Kelsom, Kuala Kangsar, Perak, Kolej Melayu Kuala Kangsar, Perak, SM Teknik Ipoh, Perak, SM Sains Kuala Selangor, Selangor, SMK Ambrose, Ayer Tawar, Perak, SMKA Sultan Azlan Shah, Bota, Perak, SMKA Raja Nazrin Shah, Kg Gajah, Perak and MRSM Pasir Salak, Perak; then categorize them into seven different types of school that is Sekolah Menengah Harian, Sekolah Rancangan Khas, Sekolah Berasrama Penuh, Sekolah Menengah Teknik, Sekolah Menengah Agama, Sekolah Sains Sukan and MRSM. The respondents comprised of 164 male and 164 female students. The study employed survey method with a set of questionnaire measuring on learning styles, study skills and bahasa Malaysia achievement among form four student's. The data are process by using SPSS Windows Version 11.0. To analyse the data, descriptive statistic, Pearson Correlation and Pearson Chi Square were applied. The Cronbach Alpha coefficient for the instrument is 0.8511. The physical stimulus is the dominant stimulus among the Dunn and Dunn learning styles. The study skills are practiced by the students. The relationship between learning styles and study skills with Bahasa Malaysia achievement is significant but at the lowest level ( $r = -0.150$ ,  $p<0.006$ ). The significant relationship between learning styles and study skills by gender factor, the result stated that the male students is significant ( $p<0.0010$ ),compared to the female student's, by ethnics factor, the Malay's are significant ( $p<0.003$ ) not the Indians nor the Chineses, by group, the group study are significant ( $p<0.042$ ) compared to individual study and by types of school, the Sekolah Menengah Agama ( $p<0.000$ ) dan Sekolah Berasrama Penuh ( $p<0.025$ ) are significant. The learning styles is relationship with rural area is significant not the urban area. However the relationship between study skills with Bahasa Malaysia achievement are not significant for sosio economy and area factor. A few suggestion to the students, parents, teachers and school administration and the Ministry Of Education is recommended. Extras research is recommended too in this study.

<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>ABSTRAK</b>	iv
<b>ABSTRACT</b>	v
<b>KANDUNGAN</b>	vi
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xiv
<b>SENARAI KATA SINGKATAN</b>	xvi

**BAB 1                          PENDAHULUAN**

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar belakang kajian	2
1.3 Penyataan Masalah	6
1.4 Tujuan Kajian	8
1.5 Persoalan Kajian	8
1.6 Signifikan Kajian	10
1.7 Definisi Istilah	10
1.7.1 Gaya pembelajaran	10
1.7.2 Kemahiran Belajar	13
1.7.3 Pencapaian Bahasa Malaysia	14

1.7.4	Pelajar	ar	Tingkatan	Empat	14
Kesimpulan Bab					15

## 2 TINJAUAN LITERATUR

Pengenalan				16
Model Kajian				17
2.2.1 Model Dunn dan Dunn				17
2.2.1.1 Stimulus Persekutaran				18
2.2.1.2 Stimulus Emosi				19
2.2.1.3 Stimulus Sosiologi				19
2.2.1.4 Stimulus Fizikal				20
2.2.1.5 Stimulus Psikologi				20
2.2.2 Gaya Pembelajaran VAK				21
2.2.2.1 Visual				21
2.2.2.2 Audio				21
2.2.2.3 Kinestetik				22
2.2.2.4 Kecekatan Tangan				22
2.2.2.5 Kumpulan				22
2.2.2.6 Sendirian				22
Kemahiran Belajar				23
2.3.1 Kemahiran Mendengar				23

2.3.2	Kemahiran Membaea	23
2.3.3	Kemahiran Mencatat Nota	24
2.3.4	Kemahiran Menulis Cepat	24
2.3.5	Kemahiran Membuat Rujukan	25
2.3.6	Kemahiran Mengurus Masa	25
2.3.7	Kemahiran Menghadapi Peperiksaan	25
2.4	Model Konseptual	26
2.5	Kajian Lepas Dalam Negara	27
2.6	Kajian Lepas Luar Negara	31
2.7	Kesimpulan Bab	34

### BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Reka Bentuk	Kajian	35
3.2	Lokasi	Kajian	36
3.3	Populasi dan Sampel Kajian		36
3.4	Instrumen Kajian		37
3.5	Batasan Kajian		38
3.6	Kajian Rintis		39
3.7	Analisis Data		39
3.8	Kesimpulan Bab		40

**BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

4.1	Pendahuluan	41
4.2	Dapatan Kebolehpercayaan Soalselidik	42
4.3	Senarai dan Gred Sekolah	42
4.4	Jenis Sekolah	43
4.5	Taburan Responden Mengikut Jantina	43
4.6	Taburan Responden Mengikut Sosioekonomi	44
4.7	Taburan Responden Mengikut Ras	45
4.8	Taburan Responden Mengikut Tempat Tinggal	45
4.9	Taburan Gaya Pembelajaran Rakan Sebaya	46
4.10	Keputusan Penilaian Menengah Rendah 2008	46
4.11	Analisis Soalan Kajian 1: Antara stimulus persekitaran,emosi, sosiologi, psikologi dan fizikal yang mana satu paling dominan?	47
4.12	Analisis Soalan Kajian 2: Sejauh manakah Amalan Kemahiran Belajar Diperaktikkan Di Sekolah-Sekolah Oleh Pelajar Di Tingkatan Empat?	51
4.13	Analisis Soalan Kajian 3: Sejauh manakah gaya pembelajaran dan kemahiran belajar yang diamalkan oleh pelajar-pelajar Tingkatan Empat mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian Bahasa Malaysia?	52
4.14	Analisis Soalan Kajian 4: Sejauh manakah terdapatnya hubungan yang signifikan di antara gaya pembelajaran, kemahiran belajar dengan pencapaian Bahasa Malaysia dalam kalangan pelajar berlainan jantina di Tingkatan Empat?	53

4.15	Analisis Soalan Kajian 5 Sejauh manakah terdapatnya hubungan yang signifikan di antara gaya pembelajaran dan kemahiran belajar dengan pencapaian Bahasa Malaysia dalam kalangan pelajar berbeza sosioekonomi?	54
4.16	Analisis Soalan Kajian 6 Sejauh manakah terdapatnya hubungan yang signifikan di antara gaya pembelajaran dan kemahiran belajar dengan pencapaian Bahasa Malaysia dalam kalangan pelajar berlainan ras/kaum?	55
4.17	Analisis Soalan Kajian 7 Sejauh manakah terdapatnya hubungan yang signifikan di antara gaya pembelajaran dan kemahiran belajar dengan pencapaian Bahasa Malaysia dalam kalangan pelajar mengikut tempat tinggal?	57
4.18	Analisis Soalan Kajian 8 Sejauh manakah terdapatnya hubungan yang signifikan di antara gaya pembelajaran, kemahiran belajar dan pencapaian Bahasa Malaysia dalam kalangan pelajar mengikut rakan sebaya?	58
4.19	Analisis Soalan Kajian 9 Sejauh manakah terdapatnya hubungan yang signifikan di antara gaya pembelajaran, kemahiran belajar dan pencapaian Bahasa Malaysia dalam kalangan pelajar mengikut jenis sekolah?	59
4.20	Kesimpulan Bab	62

**BAB 5. PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN**

5.1	Pendahuluan	63
5.2	Kebolehpercayaan Soal Selidik	63
5.3	Latar Belakang Responden Kajian	64

5.4	Perbincangan Soalan Kajian 1	65
5.5	Perbincangan Soalan Kajian 2	67
5.6	Perbincangan Soalan Kajian 3	68
5.7	Perbincangan Soalan Kajian 4	69
5.8	Perbincangan Soalan Kajian 5	70
5.9	Perbincangan Soalan Kajian 6	71
5.10	Perbincangan Soalan Kajian 7	72
5.11	Perbincangan Soalan Kajian 8	73
5.12	Perbincangan Soalan Kajian 9	73
5.13	Rumusan Kajian	74
	5.13.1 Penentuan Stimulus Paling Dominan	75
	5.13.2 Amalan Kemahiran Belajar	75
	5.13.3 Hubungan Gaya Pembelajaran Dan Kemahiran Belajar Dengan Pencapaian Bahasa Malaysia	76
	5.13.4 Gaya Pembelajaran Dan Kemahiran Belajar Dengan Pencapaian Bahasa Malaysia Mengikut Faktor	76
	5.13.4.1 Faktor Jantina	76
	5.13.4.2 Faktor Sosioekonomi	77
	5.13.4.3 Faktor Ras/Kaum	77
	5.13.4.4 Faktor Tempat Tinggal	77
	5.13.4.5 Faktor Rakan Sebaya	78
	5.13.4.6 Faktor Jenis Sekolah	78
5.14	Cadangan Kajian	78

5.15	Cadangan Kajian Lanjutan	79
5.16	Kesimpulan Bab	80

<b>RUJUKAN</b>	<b>82</b>
----------------	-----------

**LAMPIRAN**

- A : Soal selidik  
B : Keputusan Kajian SPSS Versi 11.0

**Rajah**

- |   |  |    |
|---|--|----|
| 1 | Model Dunn dan Dunn (1978)   | 18 |
| 2 | Model Konseptual Hubungan Gaya Pembelajaran dan Kemahiran Belajar Dengan Pencapaian Bahasa Melayu Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Empat | 26 |



## MUKA SURAT

Jadual 3.4.1	Skala Empat Mata	38
Jadual 4.2	Kebolehpercayaan Alpha Cronbach Item Soalan	42
Jadual 4.3	Senarai dan Gred Sekolah	42
Jadual 4.4	Jenis Sekolah	43
Jadual 4.5	Taburan Responden Mengikut Jantina	44
Jadual 4.6	Taburan Responden Mengikut Tahap Sosio ekonomi	44
Jadual 4.7	Taburan Responden Mengikut Ras/Kaum	45
Jadual 4.8	Taburan Responden Mengikut Tempat Tinggal	45
Jadual 4.9	Taburan Gaya Pembelajaran Mengikut Rakan Sebaya	46
Jadual 4.10	Keputusan Bahasa Malaysia PMR 2008	46
Jadual 4.11.1	Frekuensi Gaya Pembelajaran Pelajar	47
Jadual 4.11.2	Stimulus Paling Dorninan	49
Jadual 4.11.3	Analisis Kekuatan Hubungan Antara Stimulus Gaya Pembelajaran Dengan Pencapaian Bahasa Malaysia	50
Jadual 4.12	Amalan Kemahiran Belajar Dipraktikkan Di Sekolah-Sekolah Oleh Pelajar Di Tingkatan Empat	51
Jadual 4.13	Analisis Hubungan Antara Gaya Pembelajaran Dan Kemahiran Belajar Dengan Pencapaian Bahasa Malaysia	52
Jadual 4.14.1	Analisis Hubungan Antara Gaya Pembelajaran Dengan Pencapaian Bahasa Malaysia Dalam Kalangan Pelajar Mengikut Jantina	53
Jadual 4.14.2	Analisis Hubungan Antara Kemahiran Belajar Dengan Pencapaian Bahasa Malaysia Mengikut Jantina	53

## MUKA SURAT

Jadual 4.15.1	Analisis kekuatan hubungan antara gaya pembelajaran dengan pencapaian Bahasa Malaysia mengikut faktor sosio ekonomi	54
Jadual 4.15.2	Analisis hubungan antara kemahiran belajar dengan pencapaian Bahasa Malaysia mengikut faktor sosio ekonomi	55
Jadual 4.16.1	Analisis kekuatan hubungan antara gaya pembelajaran dengan pencapaian Bahasa Malaysia mengikut faktor ras.	55
Jadual 4.16.2	Analisis hubungan antara kemahiran belajar dengan pencapaian Bahasa Malaysia mengikut faktor ras	56
Jadual 4.17.1	Analisis kekuatan hubungan antara gaya pembelajaran dengan pencapaian bahasa Malaysia mengikut faktor tempat tinggal	57
Jadual 4.17.2	Analisis hubungan antara kemahiran belajar dengan pencapaian bahasa Malaysia mengikut faktor tempat tinggal	57
Jadual 4.18.1	Analisis kekuatan hubungan antara gaya pembelajaran dengan pencapaian bahasa Malaysia mengikut faktor rakan sebaya	58
Jadual 4.18.2	Analisis hubungan antara kemahiran belajar dengan pencapaian bahasa Malaysia mengikut faktor rakan sebaya	59
Jadual 4.19.1	Analisis kekuatan hubungan antara gaya pembelajaran dengan pencapaian bahasa Malaysia mengikut faktor jenis sekolah	59
Jadual 4.19.2	Analisis kekuatan hubungan antara kemahiran belajar dengan pencapaian bahasa Malaysia mengikut faktor jenis sekolah.	61

**SINGKATAN****MUKASURA**

1.	PMR	Penilaian Menengah Rendah	1
2.	SPM	Sijil Pelajaran Malaysia	1
3.	VAK	Visual, Audio, Kinestetik	2
4.	STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia	5
5.	SMH	Sekolah Menengah Harian	7
6.	SMA	Sekolah Menengah Agama	7
7.	SMT	Sekolah Menengah Teknik	7
8.	SSS	Sekolah Menengah Sains Sukan	7
9.	MRSRM	Maktab Rendah Sains Mara	7
10.	SBP	Sekolah Berasrama Penuh	7
11.	PPSMI	Pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris	7
12.	SQ3R	Survey-Question-Read-Recite-Review	23
13.	KWLH	Know-Want-Learned-How	24
14.	CITE	The Centre for Innovative Teaching Experience	27
15.	GRSLSS	Grasha- Riechmann Student Learning Style Scales	31
16.	ILP	Inventory of Learning Process	32
17.	AoEII	Age of Empires II: The Age of Kings	32
18.	SPSS	Statistical Packages for Social Science	39

## BAB 1

## PENDAHULUAN

## 1.1 Pengenalan

Gaya pembelajaran antara pelajar adalah berbeza-beza dan mengikut kecenderungan masing-masing. Ada yang suka belajar bersendirian kerana mampu memperoleh pengetahuan dengan gaya berkenaan, sedangkan sekumpulan pelajar yang lain lebih berminat belajar dalam kumpulan. Selain itu, terdapat pelajar yang memerlukan bimbingan guru. Pelajar sebenarnya mementingkan hasil daripada pembelajaran yang telah dilalui oleh mereka. Pada akhir sesuatu pembelajaran, mereka berharap dapat menggunakan pengetahuan itu untuk berjaya dalam sesuatu peperiksaan seperti dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Berdasarkan beberapa dapatan kajian luar negara, para pelajar yang memahami gaya pembelajaran masing-masing dikatakan lebih berjaya mencapai matlamat pembelajaran. Sesetengah pengkaji percaya apabila seseorang individu mengetahui cara belajar yang sesuai dengan dirinya, maka hasil pembelajarannya lebih berdaya tahan dan berjaya. Kajian-kajian yang telah dijalankan di negara-negara yang mengamalkan sistem pembelajaran sepanjang hayat, seperti Amerika Syarikat telah terbukti berjaya melahirkan pelajar-pelajar yang bukan sahaja pintar dalam bidang akademik tetapi berjaya di alam pekerjaan dan dalam kehidupan sehari-harian. Mereka mampu berdaya saing. Pendidikan di negara ini amat mementing kemahiran belajar. Pelajar diajar kemahiran seperti membaca cepat, pengucapan awam dan sebagainya secara formal. Hal sedemikian tidak berlaku di England. Di negara ini, mereka masih mengamalkan sistem peperiksaan. Oleh itu, ramai pelajar mengatakan mereka gagal sebagai seorang pelajar. Mereka hanya ada daya ingatan tetapi tidak pandai belajar. Mereka yang gagal mengatakan mereka kurang kemahiran belajar dan gagal dalam peperiksaan (Ab. Rahim Selamat, 1989).

Kejayaan sistem pembelajaran sepanjang hayat di Amerika Syarikat itu telah menarik perhatian ramai pengkaji untuk menjalankan kajian, misalnya mengkaji gaya pembelajaran dan kemahiran belajar. Antara pengkaji-pengkaji gaya pembelajaran yang tersohor ialah Dunn dan Dunn, Kolb, Myer-Briggs, dan Keefe. Dalam kalangan pengkaji kemahiran belajar pula ialah Gall, Segal dan Smith. Hasil daripada dapatan kajian yang telah dijalankan maka beberapa model gaya pembelajaran, seperti model gaya pembelajaran Dunn dan Dunn, model gaya VAK, model gaya pembelajaran

Dalam Seminar Kebangsaan Memperkasakan Sistem Pendidikan yang diadakan di Puteri Pan-Pacific, Johor Bahru bertarikh 19 hingga 21 Oktober 2003, beberapa orang pengkaji tempatan dari Universiti Teknologi Malaysia, Johor telah membentangkan kertas kerja tentang hubungan gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik. Kertas kerja oleh Azizi Hj. Yahya, Shareeza Abdul Karim, Noordin Yahya (2003) telah membuka minda banyak pihak supaya tindakan memperkasakan sistem pendidikan di Malaysia diambil kira. Dalam satu lagi seminar, iaitu Seminar Mengajar dan Belajar Bahasa Melayu, Kemahiran Bernilai Tambah yang diadakan di Universiti Pendidikan Sultan Idris pada tanggal 28 Julai 2007, beberapa buah kertas kerja mengenai kemahiran belajar cara belajar telah dibentangkan. Seminar itu, mengingatkan tentang keperluan gaya pembelajaran kepada para pelajar untuk berjaya dalam alam kehidupan dan peperiksaan (Abdul Hamid Mahmood, 2007).

Hal yang sama juga dilakukan untuk mengkaji kemahiran belajar. Banyak reka bentuk soal selidik yang telah diinovasi dan digunakan untuk menguji keberkesanan kemahiran belajar. Kejayaan-kejayaan pelajar telah terbukti mempunyai kaitan dengan kemahiran belajar yang dipraktikkan di sekolah atau oleh seseorang individu. Pengkaji kemahiran belajar seperti Gall (1990) dan Segal (1985) melaporkan kemahiran belajar disertai dengan motivasi belajar yang tinggi telah terbukti boleh meningkatkan pencapaian pelajar dalam peperiksaan.

Kemahiran belajar boleh diajar. Cara pelajar bijak belajar boleh dipindahkan kepada pelajar yang rendah kemampuan. Apa yang diperlukan ialah cara memindahkan kemahiran belajar itu perlu berterusan dan betul (Segal, 1985).

Beberapa laporan penyelidikan lain pula telah menunjukkan gaya pembelajaran dan kemahiran belajar telah membantu pelajar meningkatkan prestasi mereka dalam peperiksaan. Laporan kajian yang menghubungkan gaya pembelajaran dan kemahiran belajar telah membuktikan bahawa gaya pembelajaran dan kemahiran berfikir mempunyai hubungan yang kukuh untuk meningkatkan pencapaian pelajar kolej dalam peperiksaan (Francisco Cano-Garcia, 2000).

Laporan-laporan dan dapatan kajian tentang keberkesanan gaya pembelajaran dan kemahiran belajar dalam sistem pembelajaran sepanjang hayat di Amerika Syarikat itu telah menarik perhatian pihak Kementerian Pelajaran Malaysia. Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia (2001), menegaskan kemahiran belajar perlu dikuasai oleh setiap pelajar untuk menambah ilmu pengetahuan serta meraih kecemerlangan dalam peperiksaan dan kehidupan. Sehubungan dengan gaya pembelajaran yang berbeza-beza dalam kalangan pelajar maka mereka perlu mengetahui, menguasai dan mengamal kemahiran belajar. Cara belajar tradisional sudah tidak relevan lagi dengan tuntutan dunia tanpa sempadan. Konsep belajar era milinium memberi tumpuan kepada pelajar dan pembelajaran, sementara peranan guru hanya sebagai pemudah cara pembelajaran.

Di Malaysia, sistem pendidikan didapati masih dihantui oleh sistem peperiksaan dan pengajaran berpusatkan guru. Dengan demikian, pencapaian pelajar di dalam mata pelajaran bahasa Malaysia diukur melalui pelbagai bentuk pengujian dan penilaian. Peperiksaan telah dijadikan terminal bagi mengasingkan tahap pencapaian pelajar (Omar Hisham, 2007). Prestasi ini pula dikaitkan dengan gaya pembelajaran seseorang pelajar yang berbeza-beza. Di Malaysia terdapat beberapa jenis peperiksaan peringkat kebangsaan. Di sekolah menengah terdapat Penilaian Menengah Rendah

Menengah Rendah yang menyediakan dua buah kertas iaitu, Kertas 1 dan Kertas 2 sebagai elemen pengukuran peneapaian bahasa Malaysia. Kertas 1 mengandungi 40 soalan objektif dengan pembahagian seperti sistem bahasa, peribahasa (30 buah item soalan) dan 2 buah petikan yang diikuti oleh 10 buah item soalan pemahaman. Kertas 2 pula mengandungi empat bahagian A, B, C dan D. Bahagian A, calon diminta membuat ringkasan dan menjawab soalan pemahaman berdasarkan sebuah petikan yang diberi; Bahagian B, calon akan mengarang sebuah karangan berdasarkan rangsangan bergambar; Bahagian C, calon diminta mengarang sebuah karangan bebas dan bahagian D, calon perlu membincangkan satu kajian sebuah novel yang telah dikaji.

Sebagai kesimpulan, di negara-negara maju, gaya pembelajaran dan kemahiran belajar didapati mempunyai pengaruh yang kuat bagi meningkatkan peneapaian pelajar dalam peperiksaan. Pelajar-pelajar di Amerika Syarikat, didedahkan kepada gaya pembelajaran dan kemahiran belajar secara formal di sekolah-sekolah hingga ke peringkat kolej dan universiti. Matlamat pengajaran dan pembelajaran di sana ialah pembelajaran sepanjang hayat berbanding di negara kita yang masih dibelenggu, "*exam-oriented?*". Perbezaan antara pelajar yang wujud, adalah satu lumrah bagi manusia dan berkait rapat dengan faktor-faktor seperti emosi dan persekitaran. Di Amerika Syarikat, aspek seperti persekitaran, emosi dan sebagainya diambil kira dalam persediaan pengajaran dan pembelajaran. Pelajar yang sudahpun mengetahui gaya pembelajaran dan tahap kemahiran belajar masing-masing akan lebih mudah belajar dan memperoleh keputusan yang lebih cemerlang dalam peperiksaan.

### 1.3 Penyataan Masalah Kajian

Di dalam negara, beberapa buah kajian mengenai gaya pembelajaran dan kemahiran belajar sedang giat dijalankan. Antaranya, Baharin Abu (2007) dengan kajian bertajuk 'Kepelbagai Gaya Pembelajaran dan Kemahiran Belajar Pelajar Universiti di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor dan Azizi Yahya (2003) yang bertajuk 'Hubungan Gaya Pembelajaran Dengan Pencapaian Akademik Pelajar Tingkatan Empat di Sekolah Menengah Teknik'. Baharin Abu telah menggunakan pelajar di Fakulti Kejuruteraan Universiti Teknologi Malaysia sebagai sampel kajian, telah menggunakan model gaya pembelajaran Dunn dan Dunn dan juga kemahiran belajar dalam kajiannya itu. Baharin Abu telah menyarankan beberapa kajian lanjutan untuk dijalankan oleh pengkaji lain yang berminat Cadangan lanjutan berkenaan seperti berikut:

- i) Melihat perbezaan pelajar yang telah didedahkan kepada pengetahuan gaya pembelajaran dan kemahiran belajar dengan pelajar sebaliknya,

- ii) Pelajar lain, selain pelajar fakulti kejuruteraan Universiti Teknologi Malaysia. Contohnya, pelajar di sekolah menengah.

- iii) Mencari bentuk hubungan antara gaya pembelajaran dan tahap kemahiran belajar dengan faktor jantina, prestasi akademik, dan sebagainya.

Sementara itu, Azizi Yahya (2003) telah menggunakan gaya pembelajaran Honey and Mumford (1992) dan menyarankan beberapa kajian lanjutan seperti berikut:

- i) Kajian dijalankan di sekolah selain sekolah menengah teknik,

- ii) Kajian dijalankan bagi melihat iklim dan budaya sekolah,

- iii) Melibatkan faktor seperti agama ,ras, sosio ekonomi dan sebagainya,

- iv) Melihat perbezaan antara pelajar lemah dan cemerlang.

Kajian ini pula menggunakan seramai 164 orang pelajar lelaki dan 166 orang pelajar perempuan. Tmgkatan Empat sebagai sampel kajian yang kebanyakannya telah pun terdedah dengan gaya pembelajaran dan kemahiran belajar di sekolah-sekolah, memilih berbagai kategori/jenis dan gred sekolah untuk mendapatkan sampel kajian seperti Sekolah Menengah Harian (SMH), Sekolah Menengah Teknik (SMT), Sekolah Menengah Rancangan Khas (SMRK) dan Sekolah Menengah Sains Sukan (SMSS), Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Sekolah Berasrama Penuh (SBP) dan Maktab Rendah Sains Mara (MRSM), di samping memberi fokus kepada pencapaian mata pelajaran Bahasa Malaysia Penilaian Menengah Rendah 2008, maka pemasalahan dalam kajian ini dinyatakan seperti berikut:

- i) Setakat manakah kekuatan hubungan antara gaya pembelajaran dan kemahiran belajar dengan pencapaian bahasa Malaysia pelajar di tujuh jenis sekolah yang dikaji ?
  - ii) Adakah stimulus emosi dan psikologi merupakan stimulus yang paling dominan dalam kajian ini?
  - iii) Adakah pelajar setuju kemahiran belajar membantu mereka dalam pencapaian bahasa Malaysia Penilaian Menengah Rendah 2008?
  - iv) Adakah hubungan gaya pembelajaran, kemahiran belajar dan pencapaian bahasa Malaysia dipengaruhi faktor jantina, ras/kaum, status sosioekonomi, tempat tinggal, kumpulan rakan sebaya dan mengikut faktor jenis sekolah berbanding kajian lepas?
- Y) Adakah pencapaian bahasa Malaysia tergugat kesan daripada dasar pengajaran dan pembelajaran Matematik dan Sains dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) mulai tahun 2003 yang lalu?

vi) Adakah perlu untuk menaik taraf sekolah-sekolah harian sama seperti Sekolah

Berasrama Penuh oleh pihak kerajaan dari aspek kemudahan belajar, iklim,

persekitaran dan budaya belajar di sekolah ?

#### **1.4 Tujuan Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk:

- i) Mengenal pasti antara lima stimulus gaya pembelajaran Dunn dan Dunn yang paling dominan.
- ii) Mengetahui mengenai amalan kemahiran belajar yang diperaktikkan di sekolah-sekolah.
- iii) Mengkaji hubungan antara gaya pembelajaran (gabungan Dunn dan VAK) dan kemahiran belajar dengan pencapaian mereka dalam Bahasa Malaysia Penilaian Menengah Rendah tahun 2008.
- iv) Mengenal pasti gaya pembelajaran dan kemahiran belajar yang diamalkan oleh pelajar berlainan jantina, ras, berbeza status sosioekonomi, mengikut jenis tempat tinggal mengikut kumpulan rakan sebaya dan mengikut jenis sekolah.

#### **1.5 Persoalan Kajian**

1. Di antara stimulus persekitaran, emosi, sosiologi, psikologi dan fizikal, yang mana satu paling dominan?
2. Sejauh manakah amalan kemahiran belajar diperaktikkan di sekolah-sekolah oleh pelajar di Tingkatan Empat?